

Ucapan di Jerman menyinggung perasaan umat Islam

Pope mohon maaf

UM-17/9/006

BANDAR VATICAN 16 Sept - Pope Benedict XVI menyesal dan meminta maaf kepada masyarakat Islam hari ini berhubung kata-katanya dalam satu ucapan di Jerman, Selasa lalu yang menyinggung perasaan mereka.

Penyesalan dan permohonan maaf itu disampaikan melalui Setiausaha Negara Vatican yang baru, Kardinal Tarcisio Bertone.

Ketua masyarakat Roman Katolik itu turut melahirkan rasa hormatnya kepada agama Islam dan berharap umat Islam memahami maksud sebenar kata-katanya itu.

"Pope Benedict meminta maaf kerana ucapannya menyinggung perasaan orang-orang Islam," kata Bertone dalam satu kenyataan.

Bertone memberitahu, Pope Benedict menghormati dan menghargai para penganut Islam dan berharap mereka memahami maksud sebenar kata-katanya itu.

Vatican mengeluarkan kenyataan itu ekoran kemarahan masyarakat Islam di seluruh dunia terhadap ulasan Pope Benedict dalam ucapannya yang dianggap menghina Islam, Nabi Muhammad s.a.w. dan perang Jihad.

● Lagi berita, gambar di muka 17

Pemimpin-pemimpin negara Islam dan pertubuhan Islam seluruh dunia termasuk dari Turki, Mesir, Pakistan dan Jordan mengecam kenyataan Pope Benedict itu dan memintanya memohon maaf serta menarik balik kenyataan kontroversi itu.

Di **HAVANA**, Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang turut meminta Pope Benedict memohon maaf dan menarik balik kenyataannya menegaskan, kenyataan itu telah menyemai pandangan yang boleh menimbulkan rasa kebencian dan kemarahan di kalangan umat Islam seluruh dunia.

"Kenyataan Pope Benedict itu tidak dapat diterima langsung oleh umat Islam. Ia melambangkan betapa cetek pengetahuannya mengenai Islam dan sejarahnya," katanya pada sidang akhbar di sini.

Abdullah yang juga bercakap atas kapasiti Pengerusi Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) berkata, kenyataan itu juga menunjukkan Pope Benedict tidak peka kepada

● Lihat muka 4

Pope mohon maaf

perasaan umat Islam.

"Apa yang dilakukan itu akan menghalang usaha membentuk hubungan baik dan harmoni antara umat Islam dan Kristian, yang juga menjadi objektif pelbagai persidangan, dialog dan pertemuan. Malang sekali, pandangan itu telah menimbulkan masalah, ujarnya.

Sementara itu, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak menganggap tindakan ketua gereja Roman Katolik itu tidak cermat ketika mengeluarkan kenyataan tersebut yang menghiris perasaan umat Islam.

Katanya, walaupun kenyataan itu mungkin bukan bertujuan menyinggung perasaan umat Islam, tetapi sepatutnya Pope Benedict lebih cermat dalam keadaan suasana kebelakangan ini.

"Kita kesal terhadap kenyataan itu. Sepatutnya dia lebih cermat dalam keadaan (dunia) kebelakangan ini. Apatah lagi kenyataan itu dikaitkan yang tujuan sebenarnya adalah tidak tepat dari segi fakta sejarah," katanya.

Dalam pada itu, Pertubuhan Persaudaraan Islam di Mesir bagaimanapun tidak berpuas hati dengan kenyataan maaf Pope Benedict itu.

"Kami mahu Pope Benedict sendiri meminta maaf. Dia telah melakukan kesilapan besar dan kesilapan itu hanya boleh dimaafkan jika dia sendiri meminta maaf," kata Timbalan Ketua Persaudaraan Islam, Mohammed Habib.

- Reuters